

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**SOALAN**

**Dato' Haji Salim Sharif [ Jempol ]** minta Perdana Menteri menyatakan kemampuan sebenar Kerajaan bagi membiayai kos subsidi haji ekoran peningkatan kos tersebut pada setiap tahun dan adakah terdapat sebarang perancangan untuk merombak kadar bayaran haji yang telah berjaya dikekalkan sejak tahun 2009.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Lembaga Tabung Haji (**TH**), termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi Musim Haji 2019M/1440H.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan **TH** bagi tahun 2019.

Kos mengerjakan haji (Kos Haji) untuk jemaah haji Muassasah bagi Musim Haji 2019M/1440H adalah RM22,900 seorang. Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali kekal pada RM9,980 seorang, manakala Subsidi Haji adalah sebanyak RM12,920 untuk seorang jemaah. **TH** dianggarkan akan menanggung subsidi haji berjumlah RM400 juta pada Musim Haji 2019M/1440H.

Sekian. Terima kasih.